

# HUTAN dan BALAK TERENGGANU diurus baik

- Pengarah JHNT



dedah & bukti

Oleh RUSLAN ABDUL RAHMAN

[langtelipot@yahoo.com](mailto:langtelipot@yahoo.com)

**P**engarah Jabatan Hutan Negeri Terengganu, Haji Azmi Nordin (gambar) memberi tahu bahawa pengurusan kawasan hutan di negeri ini berjalan dengan baik dan telus.

Beliau menjelaskan Jabatan Hutan Terengganu sentiasa memantau apa-apa berkaitan dengan pengurusan hutan bagi pihak kerajaan.

Katanya, Lembaga Hasil Hutan Negeri ada meluluskan kawasan balak kepada 12 syarikat yang mempunyai kilang papan di negeri ini.

"Skim sawmill (kilang papan) itu ada kebaikannya untuk tujuan menjaga kebijakan pekerja 'sawmill' berkenaan.

## Jabatan Hutan tidak sewenang-wenangnya luluskan kawasan balak

Di samping itu untuk mengembangkan ekonomi negeri, khususnya di sektor per-kayuan. Ia telah diadakan sekian lama, sejak zaman Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menjadi Menteri Besar lagi dana diterus-kan oleh Dato' Seri Ahmad," jelasnya.

Skim ini bertujuan untuk memastikan sawmill dapat terus beroperasi dan pekerja terus mendapat kerja dan menanggung keluarga mereka.

*Orang ramai diminta berhati-hati dalam menerima maklumat sebelum membuat apa-apa andaian.*

Katanya, kelulusan diberikan kepada sawmill terbabit adalah berdasarkan kriteria yang diputuskan dalam mesyuarat rasmi Lembaga Mengambil Hasil Hutan dipengerusikan Menteri Besar sejak dulu lagi dan Pengarah Jabatan Hutan sebagai pegawai kerajaan ada sama di dalam mesyuarat itu.

Jelasnya lagi, kawasan hutan yang hendak diberi pun terlebih dahulu diperiksa oleh Jabatan Hutan dan bukannya boleh diluluskan sewenang-wenangnya.

Oleh itu katanya, orang ramai diminta berhati-hati dalam menerima maklumat yang tidak pasti dan perlu merujuk kepada pihak bertanggungjawab dalam urusan berkaitan hutan dan balak terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa andaian.